

PM KESAL SIKAP NEGARA MAJU

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini kesal dengan sikap perlindungan negara-negara maju yang telah menjejaskan usaha ASEAN dalam mendapatkan syarat-syarat perdagangan yang adil.

Perdana Menteri memberi contoh tentang sebuah negara perindustrian yang hanya pandai melaunglaungkan kebebasan dagangan dan menentang monopoli tetapi dalam realiti ia menjejaskan pasaran

pendapat dalam jangka panjang, negara ASEAN perlu memproses sebahagian dari bahan utama dan mengekspor barang siap dan separuh siap bagi mendapatkan perolehan yang lebih dari segi nilai dan teknologi.

Beliau yakin langkah serupa itu tidak hanya dapat mengurangkan kesan kemiskinan dan pengangguran, tetapi juga satu sumbangan yang baik mengatasi tekanan inflasi yang berpunca dari pengeluaran yang tinggi di negara maju.

Perdana Menteri membuat perbandingan tentang kebaikan 'bulk carriers' iaitu lebih baik mengeluarkan tayar yang banyak dan diekspor ke negara pengguna dari menghantar bahan mentah yang rendah harganya secara kecil-kecilan tetapi nilai pembuatannya

dengan menjual dari stok simpanannya.

Walaupun Datuk Sri Dr. Mahathir secara langsung tidak menamakan negara tersebut, tetapi adalah jelas beliau maksudkan Amerika Syarikat yang bertindak menjual bijih timah di dalam simpanannya sehingga memberi kesan pada negara-negara pengeluar termasuk Malaysia.

Berucap merasmikan sidang keempat perhimpunan agung Pertubuhan Parlimen ASEAN (AIPO) di sini pagi ini, Perdana Menteri menegaskan: Aspirasi rakyat dan kerajaan negara-negara ASEAN bagi mewujudkan satu susunan baru ekonomi antarabangsa bukan saja tidak diendahkan tetapi juga syarat-syarat perdagangan mereka terus menerus tidak saksama.

Beliau berkata, walaupun usaha-usaha telah dijalankan oleh ASEAN untuk mendapatkan syarat dagangan yang lebih baik, tetapi kita perlu akui bahawa kita masih belum mendapat kejayaan sepenuhnya.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, walaupun kos pengeluaran getah dan bijih timah telah melambung dalam beberapa tahun kebelakangan ini, tetapi harga bahan tersebut di pasaran tidak menampakkan kenaikannya selaras dengan peningkatan kos pengeluaran.

"Keadaan harga getah yang rendah telah memberi kesan kepada beratus ribu pekebun kecil miskin di Malaysia dan keadaan yang sama juga dirasakan di lain-lain negara ASEAN," katanya.

Kata Dr. Mahathir, Malaysia ber-

tidak juga rendah.

Pendirian bersama

Beliau mengingatkan bahawa perdagangan adalah satu soal yang penting bagi semua negara ASEAN dan perkara itu telah diteliti oleh jawatankuasa-jawatankuasa peringkat menteri dan pegawai sejak bertahun-tahun dengan tujuan mencari jalan melonggar dan meluaskan pengaliran dagangan.

"Yang lebih penting lagi negara-negara ASEAN mencapai satu pendirian bersama dalam menghadapi sikap perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara maju," jelasnya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri melahirkan rasa gembiranya kerana salah satu perkara yang akan dibincangkan oleh ahli-ahli Parlimen ASEAN dalam sidangnya kali ini ialah mengenai skim perluasan dagangan ASEAN.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa sokongan pihak perundangan terhadap pendirian ASEAN mengenai isu-isu perdagangan dan ekonomi adalah mustahak.

Sebagai anggota Parlimen negara masing-masing, jelasnya, mereka mempunyai kedudukan yang baik untuk berhubung dan menerangkan isu-isu seumpama itu bukan sahaja kepada para pengundi dan rakyat tetapi juga kepada dunia.

Sambutan popular dari badan bukan kerajaan boleh menolong menguatkan lagi usaha kerajaan negara-negara ASEAN mengatasi masalah penurunan harga bagi barangan mereka.